

20 AUG 1996
Mahathir-S46

UMNO BOLEH URUSKAN MASALAH DARIPADA KEMASUKAN ANGGOTA S46

KUALA TERENGGANU, 20 Ogos (Bernama) -- Umno boleh menguruskan sendiri sebarang masalah yang timbul daripada kemasukan anggota Parti Semangat 46 (S46) berikutan pembubarannya 6 Oktober ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir menegaskan Umno telah sekian lama dapat menguruskan hal ehwalnya dan tidak memerlukan nasihat daripada pihak lain.

"Saya boleh uruskan (masalah itu), semua boleh uruskannya dan anggota-anggota Umno sendiri boleh menguruskannya... kita menang di tempat lain, tolak di Kelantan sahaja kita kalah ...," kata beliau pada persidangan berita selepas merasmikan peletakan batu asas kawasan perumahan Taman Permint Perdana di Kampung Batin, Seberang Takir di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan Wan Ismail Wan Jusoh hari ini bahawa kemasukan anggota S46 ke dalam Umno tidak mendatangkan sebarang manfaat, malah mungkin membebankan Umno.

"Kita tidak perlukan nasihat (PAS)... kalau kita hendak, kita lantik dia jadi perunding...," kata Dr Mahathir.

"Kalau dia (anggota S46) menjadi duri dalam daging, kita cabut dan buang dia bersama duri-duri lain," kata Perdana Menteri.

Mengenai kenyataannya semalam supaya anggota S46 yang menyertai Umno tidak mewujudkan kelompok baru dalam parti itu, Dr Mahathir menegaskan ia bukan satu amaran tetapi syarat biasa bagi sesiapa juga yang mahu menjadi anggota Umno.

"Sesiapa juga dari awal lagi hendak masuk Umno kena patuh syarat-syarat ini. Tidak boleh ada puak dalam Umno," katanya.

Beliau berkata Umno sebelum ini rosak kerana wujudnya Team A dan Team B.

Ditanya pemberita mengenai kemungkinan S46 dibubarkan dan menyertai Umno kerana tidak ada pilihan lain, Dr Mahathir berkata setiap orang mungkin mempunyai alasannya tersendiri tetapi kalau mereka mengutamakan sebab peribadi itu, mereka tidak akan lama menjadi anggota Umno.

Perdana Menteri juga ditanya pemberita mengenai gesaan sesetengah pihak dalam Umno supaya perhimpunan agung parti yang dijadualkan Oktober ini dipercepatkan memandangkan tidak ada kempen bagi pemilihan pucuk pimpinan parti kali ini.

Dr Mahathir menegaskan beliau juga suka jika perhimpunan itu dipercepatkan sedikit tetapi ia tidak dapat dilakukan kerana masalah logistik.

"Saya juga suka kalau cepat-cepat sikit (perhimpunan agung parti) tetapi kalau kata tidak ada kempen (bagi pemilihan) saya tidak percaya. Saya dapat laporan lain, ada kempen... ada yang guna duit ... saya tahu," katanya.

Beliau berkata tindakan disiplin akan diambil terhadap anggota yang terbabit apabila terdapat bukti penuh.

Katanya Umno boleh menghentikan kempen tidak sihat itu jika anggota melaporkan perkara itu ataupun jangan mengundi orang yang terbabit.

"Kita tidak hendak orang macam ini menjadi pemimpin...," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan pembinaan Taman Permint Perdana yang dimajukan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PERMINT).

Projek di kawasan seluas 56 hektar itu dijangka menyediakan 932 buah unit rumah termasuk 415 buah rumah kos rendah. Fasa pertamanya dijangka menelan belanja RM63.13 juta. -- BERNAMA

SBJ RON